

24/04/2001

Pembentangan RM-8 tertangguh 10 minit

ad

KUALA LUMPUR, Isnin - Pembentangan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) di Dewan Rakyat semalam tertangguh kira-kira 10 minit, selepas ahli Parlimen pembangkang membantah keputusan menolak usul penggunaan wang ihsan RM40 juta yang disalurkan kepada tiga institusi pendidikan di Terengganu.

Ahli Parlimen Pas, termasuk Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) bangun membantah keputusan itu selepas Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng, memutuskan menolak usul berkenaan.

Apa yang menarik, usul itu dibuat oleh seorang penyokong kerajaan, Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) dan mendapat sokongan penuh pembangkang, tetapi tidak di pihak penyokong kerajaan.

Tindakan pembangkang menjerit dan enggan mematuhi arahan Lim supaya duduk menyebabkan pembentangan RM-8 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang dijadualkan selepas sesi soal jawab pada jam 11 pagi, tertangguh.

Ketika pembangkang membantah, Mustafa Ali (Pas-Dungun) bangun mengikut peraturan mesyuarat meminta usul itu dibahaskan kerana isu pemberian wang ihsan berkenaan perlu disegerakan.

Lim menolak usul itu kerana hanya memenuhi kriteria perkara tertentu dan kepentingan ramai, tetapi tidak perlu disegerakan.

Bung Mokhtar ketika membawa usul berkenaan berkata, usul itu perlu dibincangkan segera kerana ia membabitkan peruntukan RM40 juta untuk Institut Latihan Lanjutan Terengganu (Tati), Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (Kusza) dan 11 sekolah menengah agama di seluruh Terengganu, tetapi tidak diketahui cara pengurusannya.

Beliau mendakwa, keputusan kerajaan Pas menyalurkan semula wang peruntukan itu mengikut keperluan institusi terbabit adalah satu perbuatan zalim dan jenayah kerana ia boleh menjejaskan proses pendidikan pelajar di Terengganu.

"Adalah dikhuatiri wang itu akan disalahgunakan untuk membiayai program-program politik pimpinan tertinggi kerajaan Pas Terengganu yang akan terbabit di dalam proses pemilihan parti mereka," katanya.

Bagaimanapun, apabila Lim menolak usul itu, kesemua ahli pembangkang yang hadir bangun dan meminta supaya ia dibahaskan sedangkan tiada sokongan yang diterima daripada penyokong kerajaan, termasuk Bung Mokhtar sendiri.

Apabila menyedari Bung Mokhtar sendiri tidak membantah keputusan Lim, Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) berkata: "Kenapa tak bangun sokong, sokonglah!"

Selepas isu wang ihsan reda dan Dr Mahathir hendak bangun memulakan ucapan, beliau terpaksa duduk semula apabila diganggu lagi oleh Kerk Kim Hock (DAP-Kota Melaka) dan Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi (Pas-Kuala Terengganu).

Kerk membantah keputusan Yang Dipertua, Tun Mohamed Zahir Ismail, dalam suratnya kepada wakil rakyat berkenaan, menolak permohonan beliau untuk membuat penerangan sendiri mengikut Peraturan Mesyuarat 25.

Dr Syed Azman pula menggunakan Peraturan Mesyuarat 37(1) bagi mempersoalkan tujuan Perdana Menteri membentangkan RM-8 itu.

"Adakah pembentangan oleh Perdana Menteri itu relevan dalam keadaan ekonomi yang meleset sekarang ini. Menteri Kewangan pun ambil cuti," katanya sinis.

Dr Mahathir yang diminta Lim supaya meneruskan ucapannya bagaimanapun

sempat membidas kata-kata Dr Syed Azman apabila berkata: "Susahlah kalau orang yang tak tau apa-apa ni, bercakap."

Terdahulu, ketika sesi soal jawab, Dewan turut diriuhan dengan bunyi tepukan meja oleh pihak pembangkang apabila Kerk hadir semula selepas digantung daripada menghadiri sidang selama tiga hari bermula Selasa lalu.

Kira-kira 15 minit kemudian, keriuhan timbul lagi apabila pihak penyokong kerajaan pula menepuk meja sebagai tanda sokongan apabila Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin, masuk ke Dewan itu.

(END)